

Sportpreneurship Startup Crawl: Video Pitching Competition

Pencetus Usahawan Sukan

NUR DALILAH DAHLAN, SITI AIDA LAMAT, AISHAH NADIRAH MOHAMED
ALAUDDIN, MUHAMMAD WAFI BIN A. RAHMAN, MOHAMAD FIRDAUS AHMAD,
NUR HANI SYAZWANI BINTI BAKRI
& SHARIFAH MAIMUNAH BINTI SYED MUD PUAD
Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi, UiTM Kampus Seremban

Persatuan Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi (FoSRec) dengan kerjasama MASMED UiTM Cawangan Negeri Sembilan dan Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) telah menganjurkan Pertandingan Video Pitching (Business Idea) yang telah berlangsung pada 14 hingga 18 Jun 2021 baru baru ini. "Sportpreneurship Startup Crawl: Video Pitching Competition" merupakan satu program yang berkualiti dari segi akademik dan penampilan. Cara gaya peserta menyampaikan idea, maklumat dan pandangan dengan lancar dan jelas serta meyakinkan adalah merupakan elemen terpenting dalam pertandingan ini.

Program Cinta Keusahawanan Sukan juga dikenali sebagai "Sportpreneurship Startup Crawl" merupakan satu program secara atas talian yang memberi peluang kepada pelajar untuk menunjukkan bakat dan minat mereka dalam dunia keusahawanan sukan. Pertandingan ini terbuka khusus kepada pelajar dalam bidang Pengurusan dan Sains Sukan bersempena dengan tema program iaitu Sportpreneurship. Peserta perlu membenteng idea perniagaan atau produk sukan mereka dalam bentuk video yang tidak melebihi 3 minit. Objektif program ini adalah untuk membantu peserta untuk meningkatkan keyakinan diri secara intensif dan meningkatkan kemahiran komunikasi peserta dalam-

The poster is for the "SPORTPRENEURSHIP STARTUP CRAWL" held from June 14th to 19th, 2021. It features logos for UiTM Seremban, FoSRec, and PKNS. The main title is in large red letters. Below it, the dates are listed. A central image shows a woman in a white blazer and hijab. To the left, a box titled "MINI COMPETITION: VIDEO PITCHING OF BUSINESS IDEA" lists details: sign up today, contact 0133213404 (UMI), deadline June 12, 3-minute video, individual entry, 30 participants limit, Seremban students only, online platform, and prizes for top 3: RM 100, RM 75, and RM 50. To the right, a box titled "SHARING SESSION" for Sportpreneur Development Economics on June 19th, 2021, features Puan Nor Asmawar Hamzah, a social media marketing trainer. A QR code and "SCAN ME!" text are at the bottom right. Logos for collaborators are at the bottom left.

menyampaikan idea perniagaan atau produk keusahawanan mereka. Program keusahawanan ini juga dilihat mampu melahirkan mahasiswa/mahasiswi UiTM yang lebih matang, profesional, peka dengan keadaan, berfikiran positif dan optimis, mempunyai daya kreativiti dan inovatif serta proaktif dalam bertindak dan menyelesaikan sesuatu masalah. Hal ini jelas terbukti dengan kejayaan salah seorang pelajar dari Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi, saudara Danish Shahady Bin Mohd Arif @ Suhaimi berusia 20 tahun, yang telah mempunyai perniagaan sendiri dengan menawarkan perkhidmatan perniagaan seperti lukisan grafik, rekaan logo, reka bentuk poster, membuat suntingan video dan pengkomersilan produk. Hasil usaha, minat dan bakat yang dimiliki, beliau telah berjaya mendapat tajaan daripada UiTM Unicorn Scholar Programme (UiTM USP) bagi kategori videography dan editing.



Justeru, melalui program keusahawanan seperti ini, mahasiswa/mahasiswi UiTM diberikan pendedahan mengenai kemahiran keusahawanan serta menambahkan pengetahuan yang lebih meluas dalam bidang perniagaan dan keusahawanan itu sendiri. Natiujahnya, program keusahawanan seperti ini perlu diteruskan bagi melahirkan mahasiswa/mahasiswi UiTM yang lebih berkualiti dalam pelbagai bidang serta mempunyai kepimpinan diri yang cemerlang dan nilai akhlak yang terpuji sebagai anak warisan bangsa.